



## SYARAT PERMOHONAN

- JAWATAN** : **PENOLONG PEGAWAI SAINS**
- GRED JAWATAN** : **C29 (TETAP)**
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **SAINS**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**
- PENEMPATAN** : **A) KAMPUS UMT, GONG BADAK**  
**B) STESEN PENYELIDIKAN ALAMI TASIK KENYIR**  
**Calon-calon yang berasal/menetap di kawasan sekitar Tasik Kenyir adalah digalakkan untuk memohon.**
- SYARAT LANTIKAN** :
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
    - Warganegara Malaysia;
    - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
    - Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat prinsipal dalam subjek Matematik atau Sains pada peringkat peperiksaan tersebut.  
Gaji permulaan ialah pada Gred C29: RM1,505.00); atau
      - Diploma dalam bidang sains atau teknologi makmal yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
Gaji permulaan ialah pada Gred C29: RM1,782.91); atau
      - Diploma dalam bidang kimia industri atau mikrobiologi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
Gaji permulaan ialah pada Gred C29: RM1,858.12)
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** :
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN** :
- Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Makmal adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Sains Gred C29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
    - mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
      - lulus Peperiksaan Khas; dan
    - had umur pelantikan:
      - berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
      - berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN** :
- Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred C29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.



- TEMPOH PERCUBAAN** : 5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN** : 6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN** : 7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN** : 8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN** : 9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI** : 10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED C32** : 11. Penolong Pegawai Sains Gred C29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Sains Gred C32 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.